

**SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN
PROGRAM PENGAJIAN SIJIL SEPENUH MASA
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH)
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

A. LOKASI INSPEN	
1.	<p>Di manakah letaknya INSPEN?</p> <p>INSPEN terletak di kawasan Institusi Bangi yang menempatkan beberapa pusat latihan dan penyelidikan pelbagai organisasi. Alamat INSPEN adalah seperti berikut:</p> <p style="text-align: center;">Institut Penilaian Negara (INSPEN) Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Kementerian Kewangan Malaysia No. 5, Persiaran Institusi Bangi 43000 Kajang, Selangor</p> <p>Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Prospektus Pengajian INSPEN.</p>

B. PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN DAN SYARAT KEMASUKAN	
1.	<p>Apakah peringkat program pengajian yang ditawarkan di INSPEN? Adakah program tersebut dijalankan secara sepenuh masa atau sebaliknya?</p> <p>Peringkat program pengajian yang ditawarkan adalah sijil sepenuh masa sahaja iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) ▪ Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT) <p>Walau bagaimanapun, beberapa program pengajian yang lain akan ditawarkan dari semasa ke semasa.</p>
2.	<p>Bagaimanakah untuk mengetahui tentang iklan kemasukan ke program pengajian di INSPEN?</p> <p>Iklan kemasukan ke program pengajian di INSPEN akan disiarkan di dalam akhbar-akhbar utama tempatan sekitar bulan Jun/Julai setiap tahun.</p> <p>Calon-calon yang berminat dinasihatkan untuk melayari laman web INSPEN dari semasa ke semasa untuk maklumat lanjut.</p>
3.	<p>Bilakah pengambilan pelajar ke program pengajian sijil ini dilakukan?</p> <p>Pengambilan pelajar ke program pengajian sijil ini dilakukan pada bulan September sekali setahun.</p>
4.	<p>Apakah syarat dan kelayakan minimum akademik yang diperlukan untuk memasuki kedua-dua program pengajian sijil di INSPEN?</p> <p>i. Warganegara Malaysia berumur antara 17 hingga 21 tahun pada tarikh tutup permohonan.</p> <p>ii. Lulus SPM atau setaraf dengan kelayakan minimum seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu; b. Kepujian dalam mata pelajaran Matematik atau Matematik Tambahan; c. Kepujian dalam mana-mana satu mata pelajaran Sains/Prinsip Perakaunan/Perdagangan atau mana-mana satu mata pelajaran lain; d. Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; dan e. Lulus dalam satu (1) mata pelajaran lain.

C. STRUKTUR PENGAJIAN		
1.	Berapa lamakah tempoh pengajian?	Tempoh pengajian ialah selama dua (2) tahun yang merangkumi lima (5) semester, termasuk satu (1) semester latihan industri.
2.	Berapakah yuran pengajian yang dikenakan untuk setiap semester?	<p>Pelajar hanya perlu membayar sebanyak RM365.00 setiap semester iaitu untuk semester 1,2 3 dan 5. Semester empat (4) tiada yuran pengajian kerana latihan industri dijalankan.</p> <p>Dengan ini, jumlah keseluruhan yuran pengajian untuk dua (2) tahun ialah RM1,460.00.</p>
3.	Berapakah pula yuran pendaftaran yang dikenakan?	<p>Yuran pendaftaran yang dikenakan ialah sebanyak RM300.00. Jumlah ini tidak termasuk yuran pengajian pada semester satu (1) sebanyak RM 365.00.</p> <p>Dengan ini, jumlah keseluruhan yang perlu dibayar pada semester satu (1) ialah RM665.00 (iaitu RM300.00 yuran pendaftaran + RM365.00 yuran pengajian).</p>
4.	Apakah bahasa pengantar yang digunakan di INSPEN?	<p>Bahasa pengantar yang digunakan di INSPEN ialah Bahasa Inggeris. Tertakluk pada keadaan, sesi kuliah dan tutorial akan dijalankan secara dwi bahasa (gabungan Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia).</p> <p>Walau bagaimanapun, subjek Bahasa Inggeris akan diajar bagi membantu pelajar menguasainya.</p>

D. PENGIKTIRAFAN PROGRAM PENGAJIAN		
1.	Apakah bentuk pengiktirafan daripada Kerajaan terhadap program sijil ini?	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Program SPHT dan SPGT telah berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. ▪ Program SPHT telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai setaraf dengan Sijil Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. ▪ Bagi program SPGT pula, permohonan pengiktirafan daripada JPA adalah dalam proses. ▪ Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil 27/2007, graduan SPHT INSPEN yang menjawat jawatan Pembantu Penilaian Gred W17 dalam perkhidmatan awam Malaysia akan mendapat gaji permulaan yang lebih tinggi berbanding pemegang SPM iaitu di tangga gaji di P1:T9 (RM1,220.17).
2.	Bagaimana pula pengiktirafan daripada IPTA?	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kurikulum program SPHT dan SPGT diiktiraf oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). ▪ IPTA yang menawarkan program Diploma Pengurusan Harta Tanah memberikan pengecualian kredit kepada graduan program SPHT INSPEN yang mendapat Purata Mata Nilai Himpunan (CPA) tidak kurang daripada 3.00. ▪ Bagi graduan program SPGT INSPEN pula, kelebihan yang sama sedang diusahakan oleh INSPEN.
3.	Adakah program sijil ini mendapat sokongan daripada pihak Industri?	Ya. Kurikulum program SPHT dan SPGT disokong oleh badan profesional harta tanah iaitu Pertubuhan Juruukur Malaysia (ISM) dan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia (LPPEH).

E. PERKEMBANGAN PENGAJIAN DAN KERJAYA		
1.	Ke manakah hala tuju graduan INSPEN selepas tamat pengajian?	<p>Graduan mempunyai tiga (3) pilihan setelah tamat pengajian iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bekerja di sektor awam. ▪ Bekerja di sektor swasta. ▪ Graduan program SPHT boleh melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma Pengurusan Harta Tanah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). <p>INSPEN dalam proses memastikan graduan program SPGT turut mendapat peluang pengajian yang sama seperti graduan program SPHT.</p>
2.	Adakah pelajar mendapat pertimbangan istimewa apabila memohon ke IPTA untuk melanjutkan pengajian?	<p>Ya. IPTA yang menawarkan program Diploma Pengurusan Harta Tanah telah memberikan pengecualian kredit dua (2) semester pengajian bagi graduan program SPHT yang memohon untuk melanjutkan pengajian.</p> <p>Walau bagaimanapun, keistimewaan perpindahan kredit ini adalah bersyarat, iaitu pelajar perlu tamat pengajian di INSPEN dengan pencapaian Purata Mata Nilai Himpunan (CPA) tidak kurang daripada 3.00.</p> <p>Bagi graduan SPGT, INSPEN akan mengemukakan permohonan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya keistimewaan yang sama akan dinikmati seperti graduan SPHT.</p>
3.	Adakah pelajar akan terus ditawarkan berkhidmat dengan jabatan/agensi kerajaan dan firma swasta selepas tamat pengajian?	<p>Tidak. Bergantung pada keadaan semasa dan keputusan temu duga yang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), agensi-agensi kerajaan dan firma-firma swasta yang terlibat.</p> <p>Dengan pengiktirafan JPA, graduan boleh memohon untuk bekerja dengan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Dewan Bandar Raya/Majlis Perbandaran/Majlis Daerah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, dan agensi-agensi kerajaan yang lain.</p> <p>Setakat ini, graduan SPHT INSPEN telah mula berkhidmat di JPPH, Majlis Perbandaran/Daerah, Pejabat Tanah Dan Galian, FELCRA serta firma penilaian swasta seperti Henry Butcher Malaysia, JB Jurunilai Bersekutu, Colliers, Jordan Lee & Jaafar (JH).</p> <p>Manakala pelajar SPGT masih dalam pengajian dan kumpulan (batch) pertama program ini hanya akan bergraduasi pada November 2010.</p>

F. PERMOHONAN KEMASUKAN KE PROGRAM PENGAJIAN		
1.	Bagaimanakah untuk mendapatkan borang permohonan dan memohon masuk ke program pengajian?	Borang permohonan hanya boleh didapati dan dilakukan secara dalam talian (online) di alamat http://www.inspen.gov.my
2.	Adakah pemohon perlu melalui proses temu duga untuk mengikuti pengajian di INSPEN?	Tidak.

3.	Bolehkah calon melakukan pembetulan terhadap borang permohonan 'online'?	Pemohon yang telah membuat permohonan melalui 'online' boleh membuat pembetulan pada maklumat di dalam borang permohonan selagi ia belum dimuktamadkan atau sebelum tarikh tutup permohonan. Sebarang pembetulan hendaklah disemak terlebih dahulu bagi memastikan data pemohon telah dikemas kini.
4.	Apakah yang dimaksudkan sebagai permohonan muktamad?	Permohonan muktamad bermaksud semua maklumat di dalam permohonan yang telah diisi adalah lengkap, betul dan sedia untuk diproses. Pemohon juga tidak dibenarkan menukar sebarang maklumat yang terdapat pada borang permohonan.
5.	Apakah yang harus dilakukan oleh calon sekiranya didapati ada kesilapan maklumat dalam borang permohonan online yang telah dimuktamadkan?	Adalah ditegaskan bahawa sebarang pembetulan tidak boleh dilakukan lagi sekiranya terdapat kesilapan maklumat dalam borang permohonan 'online' yang telah dimuktamadkan. Dalam keadaan ini, pemohon dinasihatkan untuk menghubungi terus Pusat Akademik INSPEN untuk tindakan lanjut.
6.	Berapa lamakah masa untuk calon menjawab Surat Tawaran daripada INSPEN?	Surat Tawaran hendaklah dijawab sebelum tarikh yang ditetapkan di dalam surat tawaran tersebut. Kegagalan melakukan demikian akan menyebabkan tawaran ditarik balik.
7.	Bagaimanakah untuk mengetahui sama ada permohonan untuk mengikuti pengajian ini berjaya atau tidak?	Calon yang memohon akan diberitahu melalui Surat Tawaran daripada INSPEN. Permohonan adalah dianggap tidak berjaya jika calon tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh tutup permohonan.
8.	Berapakah yuran pemprosesan permohonan dan bagaimana bayaran harus dilakukan?	Yuran pemprosesan permohonan ialah sebanyak RM10.00. Bayaran boleh dibuat dengan menggunakan wang pos/bank draf/kiriman wang atas nama Pengarah INSPEN. Bayaran secara tunai tidak diterima. Permohonan tidak akan diproses sekiranya calon tidak menyertakan bayaran ini.

G. KEMUDAHAN ASRAMA, PEMBELAJARAN DAN LAIN-LAIN		
1.	Adakah INSPEN menyediakan kemudahan asrama?	Ya. INSPEN ada menyediakan kemudahan asrama termasuk kemudahan pengangkutan tanpa dikenakan apa-apa bayaran.
2.	Adakah pelajar dikenakan bayaran untuk kemudahan air, elektrik dan sewaan asrama?	Tidak. INSPEN akan membayar semua bil-bil berkaitan kemudahan air, elektrik dan sewaan asrama.
3.	Apakah kemudahan-kemudahan pembelajaran yang disediakan oleh INSPEN?	Kemudahan-kemudahan pembelajaran yang disediakan adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Dewan/Bilik Kuliah • Makmal Bahasa • Makmal Komputer • Studio Lukisan • Perpustakaan • Kawasan Membaca
4.	Bagaimana pula dengan kemudahan-kemudahan lain?	Kemudahan-kemudahan lain yang disediakan termasuklah: <ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan Sukan <ul style="list-style-type: none"> a. Padang Bola Sepak b. Gelanggang Futsal c. Gimnasium d. Gelanggang Tenis e. Gelanggang Bola Jaring f. Gelanggang Bola Tampar • Kafeteria • Surau

H.	BANTUAN KEWANGAN	
1.	Adakah INSPEN menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar?	<p>Buat masa ini, tiada bantuan kewangan disediakan.</p> <p>Walau bagaimanapun, INSPEN membiayai pelajar dari segi elaun makan yang merangkumi hari kuliah, minggu ulang kaji dan minggu peperiksaan sahaja. Justeru itu, cuti mingguan (Sabtu dan Ahad) serta cuti semester tidak diambil kira.</p>
2.	Adakah pelajar boleh memohon biasiswa ataupun pinjaman melalui PTPTN atau MARA?	<p>PTPTN dan MARA tidak memberi kemudahan pinjaman kepada pelajar bertaraf sijil. Setakat ini, hanya Yayasan Pelajaran Johor, Yayasan Pahang, Yayasan Terengganu dan Yayasan Sabah sahaja yang menyediakan pembiayaan pengajian dalam bentuk pinjaman kepada pelajar INSPEN.</p>

Edited By MMM 3.7.09